

**TEKS UCAPAN YBHG DATO' SRI DR. ALI BIN HANSA  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA MALAYSIA**

**PERASMIAN GALERI TUN ABDULLAH BADAWI  
MENARA PRISMA  
PRESINT 3, PUTRAJAYA  
17 OKTOBER 2012; 12.00 TENGAHARI**

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi

Yang Amat Berbahagia Tun Jeanne Abdullah

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Dato'-Dato',

Tuan-tuan dan Puan-puan, para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam 1Malaysia, Salam Sejahtera

1. Syukur Alhamdulillah ke atas hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan rahmat-Nya kita dapat berhimpun di sini, dalam majlis yang penuh bermakna bagi perasmian Galeri Tun Abdullah Ahmad Badawi. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penganjur majlis kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan galeri ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

2. Usaha Jabatan Perdana Perdana dalam menubuhkan Galeri Tun Abdullah Ahmad Badawi ini melibatkan sumbangan daripada pelbagai pihak khususnya daripada Jabatan Arkib Negara. Justeru itu, sekalung ucapan terima kasih jua diberikan kepada pihak Jabatan Arkib Negara atas segala

nasihat dan dokumentansi bagi merealisasikan hasrat Kerajaan mewujudkan sebuah galeri sebagai penghargaan ke atas jasa seorang pemimpin utama negara iaitu Yang Amat Berbahagia, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi.

3. Sungguh pun begitu, perlu saya maklumkan, Galeri Tun Abdullah Ahmad Badawi ini yang berkeluasan lebih kurang 5,500 kaki persegi, merupakan galeri sementara, dimana satu Galeri Kebangsaan Tun Abdullah Ahmad Badawi sedang dirancang untuk dibina dalam Rancangan Malaysia Kesebelas nanti. Walaupun begitu, ia tidak bermaksud galeri ini tidak lengkap – bahkan ia meliputi pelbagai aspek berhubung dengan Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi, tokoh pemimpin negara kita. Saya dimaklumkan bahawa dalam usaha menubuhkan galeri ini, beberapa sesi temu ramah dengan Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah turut diatur untuk mengenali dengan lebih mendalam akan personaliti Tun Abdullah atau lebih dikenali dengan panggilan mesra ‘Pak Lah’ supaya galeri ini dapat mencerminkan keperibadian dan ketokohan beliau. Walau pun dalam kesibukan dengan tugas-tugas seharian, ‘Pak Lah’ masih sudi melapangkan masa untuk menjayakan siri temuramah tersebut.

4. Usaha awal menubuhkan Galeri Tun Abdullah Ahmad Badawi antara lainnya, bertitik tolak daripada permintaan pelbagai pihak yang sebegitu banyak untuk memperoleh maklumat berkenaan ‘Pak Lah’. Maklumat yang dipohon merangkumi pelbagai aspek termasuk ciri kepimpinan, wawasan dan pemikiran Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah terhadap sistem pentadbiran dan dasar pembangunan negara, pengalaman peribadi beliau dan sebagainya. Maka dengan itu, adalah difikirkan perlu untuk diwujudkan sebuah galeri yang bukan sahaja dapat memenuhi keperluan pengkajian

akademik, tetapi segala maklumat, dokumen serta bahan-bahan yang berkaitan dengan suka duka pengalaman dan peristiwa yang dilalui oleh Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah dapat dikumpul dan dipamerkan dalam rupa bentuk yang istimewa selayaknya selaku Mantan Perdana Menteri Malaysia dan tokoh kepimpinan negara. Jika dilihat daripada aspek warisan negara, galeri ini merupakan satu-satu cara untuk generasi akan datang mengenali lebih dekat akan tokoh pemimpin kita yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Walaupun Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi kini tidak lagi memegang tampuk pentadbiran utama negara, segala pengalaman dan liku-liku hidup yang telah dilalui oleh beliau tidak harus dibiarkan lapuk ditelan zaman dengan begitu sahaja.

5. Adalah diketahui umum bahawasanya Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah telah melalui pelbagai peringkat pentadbiran negara bermula sebagai peneraju kesatuan belia dan pelajar, kemudiannya bertugas sebagai penjawat awam dimana antara pengalaman penting beliau ialah berkhidmat di dalam Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), seterusnya menceburi lapangan politik sehinggalah menerajui kepimpinan utama negara. Malah kini Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah masih terus menyumbang jasa bakti kepada negara melalui beberapa peranan penting seperti Penasihat Malaysia Airlines System (MAS), Penasihat Pembangunan Koridor Ekonomi negara serta Pengerusi Institut Kefahaman Malaysia (IKIM). Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah juga masih bergiat aktif dalam bidang politik sebagai Ahli Parlimen Kepala Batas. Semestinya pentadbiran dan pengurusan Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi daripada dahulu sehingga kini, merupakan suatu aset negara yang tidak ternilai

harganya. Maka usaha pengumpulan dan pamparannya di galeri khusus sebegini, adalah penting dan besar manfaatnya kepada kita semua.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Galeri Tun Abdullah Ahmad Badawi mempamerkan pelbagai koleksi Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah seperti koleksi Pingat / Darjah Kebesaran, Anugerah Doktor Kehormat, cenderamata, dokumen, gambar, lukisan, keratan akhbar serta buku-buku yang dihadiahkan oleh Ketua-Ketua Kerajaan dan Negara, jabatan Kerajaan, sektor swasta serta orang perseorangan ketika Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi berkhidmat sebagai Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya sebagai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di samping itu, mungkin ada beberapa maklumat yang belum pernah dipaparkan di mana-mana media atau diketahui umum, tetapi dizahirkan secara eksklusif oleh Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah khusus untuk dipaparkan di galeri ini. Faktor tersebut menjadikan galeri ini bertambah istimewa dimana orang awam tidak patut melepaskan peluang untuk mengunjunginya. Namun begitu, usaha untuk mengumpulkan maklumat tentang Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah tidak akan berhenti setakat ini sahaja. Dari semasa ke semasa, paparan galeri ini akan ditambahbaik dimana sekiranya para hadirin sekalian atau orang awam mempunyai bahan-bahan yang boleh dipamerkan, atau mengetahui akan sumber-sumber lain yang boleh menambahkan koleksi galeri, ia amatlah dialu-alukan.

7. Bak kata pepatah Melayu “lain padang lain belalang, lain dahulu lain sekarang”. Jika ada pihak yang mengatakan bahawa sesuatu kaedah yang digunakan pada masa dahulu tidak sama dengan keperluan atau konteks pada masa sekarang, saya melihat perkara ini dalam ruang lingkup yang berbeza, bahawa dengan pendekatan yang dilaksanakan dahululah, telah membawa kepada pembangunan dan kejayaan yang kita kecapai ketika ini. Justeru itu, saya berpandangan bahawa segala pendekatan yang diambil oleh Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah mempunyai strategi dan keistimewaannya yang tersendiri - maka seharusnya ia diselidiki malah dijadikan pedoman dalam aspek-aspek pentadbiran dan pembangunan negara. Melihatkan kepada manfaat besar yang bakal disumbangkan daripada penubuhan Galeri Tun Abdullah Ahmad Badawi ini, saya ingin menyarankan kepada anggota penjawat awam, para pelajar dan masyarakat umum keseluruhannya supaya mengambil peluang mengunjunginya. Saya yakin setiap pengunjung akan dapat menghayati segala pengalaman, idea dan gagasan Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi khususnya dalam usaha beliau memacu pembangunan dan kegemilangan negara berpandukan konsep Islam Hadhari.

8. Saya juga ingin mencadangkan supaya Galeri Tun Abdullah Ahmad Badawi disenaraikan sebagai salah satu destinasi utama lawatan di Putrajaya. Begitu juga apabila siapnya Galeri Kebangsaan Tun Abdullah Ahmad Badawi, saya berharap ia akan disenaraikan sebagai salah satu destinasi utama untuk dilawati samada oleh warga tanahair mahupun pelancong-pelancong asing. Saya turut menaruh keyakinan malah berharap agar segala pengkongsian khususnya melalui cerminan nilai-nilai unggul kepimpinan Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah, menerusi galeri ini, dapat

(SILA SEMAK SEMASA DISAMPAIKAN)

mencetus idea-idea baru atau menjadi faktor pendorong bagi penerusan kejayaan negara ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

9. Sebelum mengakhiri ucapan saya, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbangkan segala usaha, tenaga dan komitmen bagi merealisasikan penubuhan Galeri Tun Abdullah Ahmad Badawi ini. Sesungguhnya usaha murni ini wajar dicontohi dalam usaha kita untuk mendokumentasikan sejarah yang mempunyai nilai estetika yang tinggi untuk tatapan dan panduan generasi akan datang. Dengan ungkapan tersebut serta lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Galeri Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Sekian terima kasih.

**Pejabat Ketua Setiausaha Negara**

**17 Oktober 2012**